



JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG  
(PENANG BAR COMMITTEE)

*Your ref :*

*Our ref :*

*Date :*

CL 14/09

06-11-2009

To all Members of the Penang Bar,

**Directions from Penang High Court  
with regard to Witness Statements & other Documents**

We hereby enclose a copy of directions from the Penang High Court with regard to Witness Statements and other Documents.

Members are kindly requested to take note of these directions.

Thank you.

.....  
SELVI NEELAKANDAN  
EXECUTIVE DIRECTOR

## KENYATAAN SAKSI-SAKSI

### Tujuan

Untuk menjimatkan masa, Mahkamah mencadangkan kenyataan-kenyataan saksi-saksi disediakan dengan cara berikut:

### Cara

- 1.1 Setiap pihak perlu menyediakan kenyataan bertulis saksi-saksi dalam bentuk affidavit tetapi isi kandungan adalah dengan cara soalan dan jawapan (Q & A).
- 1.2 Kenyataan ini tidak perlu difailkan; ia hendaklah disampaikan kepada pihak bertentangan sebelum tarikh pengurusan kes baru.
- 1.3 Kenyataan ini hendaklah tidak mengandungi perkara-perkara hearsay dan irrelevant.
- 1.4 Kenyataan ini boleh dibuat di dalam Bahasa Inggeris sekiranya saksi memilih untuk menggunakan Bahasa Inggeris semasa perbicaraan. Jika tidak, ia mestilah dibuat di dalam Bahasa Malaysia.
- 1.5 Kenyataan perlu disediakan sebanyak 4 salinan. 1 kepada Hakim; 1 kepada peguam yang memanggil saksi; 1 kepada peguam bertentangan dan 1 kepada saksi sendiri.
- 1.6 Kenyataan ini hendaklah dikemukakan semasa perbicaraan apabila saksi masuk kekandang saksi untuk memberi keterangan. Kandungan kenyataan akan dibaca kepada saksi oleh peguam yang memanggilnya. Pada masa itu peguam bertentangan bolehlah membantah kepada apa-apa soalan yang dibacakan.  
~~yang tertinggal dalam kenyataan ini.~~
- 1.8 Setelah kenyataan selesai dibacakan peguam bertentangan akan memulakan soal-balas saksi ini.

## DOKUMEN

### 1.0. Pendahuluan

- 1.1 Mahkamah perlu kedua-dua pihak atau semua pihak dalam prosiding ini menyediakan satu ikatan dokumen untuk digunakan di Mahkamah pada masa bicara

### 2.0 Tugas siapa

- 2.1 Ikatan dokumen ini mesti disediakan oleh pihak plaintif dengan kerjasama pihak-pihak bertentangan.

### 3.0 Berapa salinan

- 3.1 4 salinan ikatan dokumen ini mesti disediakan – 1 kepada Hakim, 1 kepada saksi, 1 kepada peguam plaintif dan 1 kepada peguam defendan. (Jikalau ada pihak-pihak tambahan selain disebut di atas, juga setiap salinan kepada mereka ; contohnya ada lebih daripada satu pihak defendan atau ada pihak ketiga).

### 4.0. Isi Kandungan

- 4.0.1 Isi kandungan ikatan dokumen ini mesti dibahagikan dalam 3 bahagian.

#### 4.1 Bahagian A

- 4.1.1 Isi kandungan yang dipersetujui oleh semua pihak.

#### 4.2 Bahagian B

Keesahan tidak dipertikaikan, tetapi isi kandungan perlu dibuktikan ("authenticity not disputed, contents to be proved")

Contoh : Laporan polis dirakam oleh pihak polis. Laporan ini boleh dimasukkan dalam bahagian ini. Pihak polis yang merakam laporan ini

(pembuat laporan) tidak perlu dipanggil, dan alegasi dalam laporan ini tidak di akui oleh pihak bertentangan.

Contoh : Surat bertulis oleh bekas peguam di mana alegasi tidak dipersetujui oleh pihak bertentangan. Surat ini boleh diterima tanpa bekas peguam dipanggil.

#### 4.3 Bahagian C

4.3.1 Pihak bertentangan tidak bersetuju dokumen ini diterima oleh Mahkamah atas apa-apa sebab. Contoh : dokumen ini tidak wujud ; dokumen ini adalah palsu (forgery).

4.3.2. Dokumen seperti ini walaupun dimasukkan dalam ikatan dokumen tidak boleh diterima oleh Mahkamah jikalau pembuat tidak dipanggil atau diterima dengan cara lain mengikut Akta keterangan pada masa bicara.

Nota :

Jika ada was-was dalam bahagian mana sesuatu dokumen dimasukkan, lebih sesuai dokumen dimasukkan dalam bahagian C dan pada masa bicara Mahkamah boleh mengendalikannya sama ada ia boleh diterima atau tidak.

#### 5.0. Fail dan serahan Ikatan Dokumen

5.0.1. 1 salinan ikatan dokumen ini mesti difailkan

5.0.2 1 salinan mesti disampaikan kepada pihak bertentangan

5.0.3 Salinan kepada Hakim boleh dikemukakan pada masa bicara dimulakan.

5.0.4. 1 Salinan kepada pihak plaintif sendiri.